

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
ULANGAN TAHUN 2020**

Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) tahun 2020 akan dikeluarkan pada **Isnin, 19 Oktober 2020**.

Calon akan memperoleh keputusan melalui pos atau boleh mendapatkan slip keputusan di Jabatan Pendidikan Negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan. Semakan keputusan SPMU 2020 juga boleh dilakukan menggunakan perkhidmatan **mySMS 15888** dengan menaip **SPMU<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **SMS ke 15888**.

Perkhidmatan ini akan diaktifkan pada jam 10.00 pagi, **19 Oktober 2020** dan akan ditamatkan pada jam 6.00 petang, **26 Oktober 2020**. Selain itu, semakan keputusan juga boleh dilakukan melalui portal Lembaga Peperiksaan di **<http://sppat.moe.gov.my/semakan/>**.

Pada peperiksaan SPMU tahun 2020, seramai **6,301** calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan di **193** pusat peperiksaan di seluruh negara dan seramai **1,445** petugas peperiksaan dilantik bagi

memastikan peperiksaan berjalan lancar. Tiga mata pelajaran yang ditawarkan dalam peperiksaan SPMU ialah Bahasa Melayu, Sejarah dan *Mathematics*.

-TAMAT –

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

13 OKTOBER 2020